

Teladani Rasulullah semai ukhuwah satukan ummah

Silaturahmi perlu berpandukan al-Quran, hadis

Nik Salida Shuhaila



salidasuhaila99@yahoo.com

SERING kita dinamakan sebagai saudara seagama, atau umat yang bersaudara. Hakikat ini hanya layak digelar kepada umat Islam saja, yang silaturahmiannya terikat kemas kerana kepercayaan dan cara hidup yang sama berpandukan al-Quran dan hadis. Meskipun kadangkala kita teralli daripada jalan-Nya, ia bukan bermakna akan putus saudara atau hilang kasih dan sayang antara kita, tetapi itulah hikmah bersaudara, tujuannya supaya saling mengingati.

Di dalam sesebuah rumah tangga, yang sering memberi teguran tentulah seorang yang paling prihatin dalam kalangan ahlinya, sama ada bapa, ibu atau anak. Tidak kiralah siapa pun yang ikhlas membetulkan kesalahan, ia tentulah bertujuan untuk menjadikan ahlinya lebih baik, bukan lebih buruk. Semua kerana persaudaraan yang terikat kemas dalam setiap hati kerana kasih dan belas.

Dalam konteks yang lebih besar, umat Islam bersaudara walau tanpa pertalian darah dan kaitan kerabat. Persaudaraan atau sering disebut ukhuwah, datangnya daripada kesedaran bahawa setiap individu tidak akan mampu bersendirian kerana saling memerlukan adalah asas kekuatan bagi setiap umat Islam. Meskipun begitu, ukhuwah hanya menjadi ikhlas sekiranya kita ikhlas membajai hati dengan rasa kasih dan sayang kepada saudara seagama. Perasaan tersebutlah yang memungkinkan kita mempercayai antara satu sama lain.

Hasil daripada sifat kepercayaan terhadap saudara pula akan membawa kepada pembelaan terhadap setiap perilaku saudara seagama terutama yang baik, dan cuba membantu dalam konteks kekeluargaan sekiranya perilaku itu tidak baik, tanpa perlu menghebahkannya kepada masyarakat yang tidak menganggap mereka sebagai saudara. Ini adalah kerana ukhuwah akan me-

ngatasi rasa benci, menjauhi hasad dengki dan caci maki sesama insani, sebaliknya menyuburkan kebaikan dan mendekatkan manusia kepada cara hidup yang bertoleransi.

Ukhuwah amat penting dalam agama. Itulah asas yang menjadikan umat Islam bersatu dan menjernihkan yang keruh, bukan membuka jalan keaiban terhadap kekurangan dan kelalaian orang lain. Anggaph saja sebarang kesilapan manusia sebagai lumrah dalam meniti hidup sebagai manusia, bukan menambahkan lagi rasa benci sehingga sebahagian besar umat Islam hari ini saling bermusuhan, bukan saling bersaudara.

Bukanlah bermakna masalah dalam setiap perhubungan insan adalah petanda kehancuran Islam, tetapi darjat persaudaraan amat penting

PETIKAN AL-QURAN



Dan orang Ansar yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum kedatangan mereka (orang Muhajirin) mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka...

Surah Al-Hasyr
Ayat 9

untuk mengharmonikan setiap manusia yang menjunjung al-Quran. Rasulullah SAW dan sahabat contohnya, telah menyemai rasa kasih sesama mereka sehingga sanggup memperjuangkan nyawa untuk mempertahankan nyawa saudara yang lain. Rasulullah SAW juga memulakan pembinaan Madinah dengan persaudaraan antara kaum Muhajirin dan Ansar, sehingga mereka bersatu dan mengumpul kekuatan yang akhirnya menjadikan Islam teguh di persada dunia.

Ini bukanlah kisah dongeng yang hikayatnya cuma untuk menambahkan koleksi cerita untuk mengulit anak tidur, tetapi satu pengajaran yang besar untuk dihayati oleh umat Islam sehingga berakhirnya dunia.

Allah SWT merakamkan kisah itu di dalam Surah Al-Hasyr, ayat ke 9 yang bermaksud: "Dan orang Ansar

yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum kedatangan mereka (orang Muhajirin) mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berkehendak kepada apa yang telah diberikan kepada orang-orang yang berhijrah itu, dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat. Dan sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhil maka merekalah orang-orang yang berjaya".

Oleh kerana itulah Rasulullah SAW yang hanya seorang manusia yang terbatas sifatnya dilantik Allah SWT untuk membawa banyak peranan dalam kehidupan. Hikmahnya ialah supaya umat Islam sehingga ke penghujung zaman pun boleh mengambil iktibar daripada setiap tindak tanduk Rasulullah, sama ada sebagai seorang pemimpin keluarga, masyarakat, sahabat, guru, usahawan, petani, panglima perang, hakim, pengembara, peneroka, malah sebagai umat yang paling taat kepada suruhan Allah SWT.

Tetapi sekiranya hakikat ini tidak dipedulikan, alangkah ruginya kita bernabikan baginda Rasulullah SAW, yang susur galur hidupnya menjelaskan terperinci kehidupan sebagai seorang Muslim yang sebenar. Bukan itu saja, keutamaan yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada setiap orang mempertahankan ukhuwwah akan hilang begitu saja. Sedangkan Allah SWT menjanjikan kemanisan iman dan pengampunan dosa buat mereka yang bersaudara dan bersatu kerana akidah yang satu. Allah SWT juga menjanjikan naungan arasy yang tentunya bukan disediakan untuk setiap manusia, melainkan yang menjaga silaturahmi dan bersatu kerana keagungan-Nya. Rasulullah SAW bersabda di dalam sebuah hadis yang mafhumnya: "Sesungguhnya Allah SWT pada hari Kiamat berfirman: Di manakah orang yang kasih mengasihi kerana keagungan-Ku? Pada hari ini aku akan menaungi mereka di dalam naungan-Ku, pada hari yang tiada naungan melainkan naunganKu".

